

Sejarah Penubuhan Agensi Nuklear Malaysia

Laman Utama (<http://www.nuclearmalaysia.gov.my>) / Profil - Sejarah Penubuhan Agensi Nuklear Malaysia



Sejarah agensi bermula pada 11 November 1971 apabila satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Pusat Penyelidikan dan Aplikasi Tenaga Nuklear (CRANE) ditubuhkan, bagi mengkaji kemungkinan Malaysia menceburi bidang teknologi Nuklear. Usul ini telah diterima dan diluluskan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 September 1972 yang menyokong cadangan terhadap keperluan Malaysia menubuhkan pusat penggunaan dan penyelidikan teknologi nuklear. Pada Ogos 1973, Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara mencadangkan untuk menamakan pusat ini sebagai Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI) dan telah diiktiraf sebagai pusat kebangsaan. PUSPATI telah diletakkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam sekitar (MOSTE). Tahun 1983 merupakan detik penting bagi agensi apabila diberikan identiti baru iaitu Unit Tenaga Nuklear (UTN).

Serentak dengan itu, UTN telah dipindahkan dari MOSTE ke Jabatan Perdana Menteri (JPM). Ini memberi impak yang besar kepada peranan agensi kerana buat pertama kalinya aktiviti nuklear yang melibatkan perancangan polisi negara dan kegiatan operasi nuklear disatukan di bawah naungan JPM. Namun pada 27 Oktober 1990, UTN telah dipindahkan semula ke MOSTE. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 10 Ogos 1994, telah meluluskan pertukaran nama UTN kepada Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT). Logo baru juga telah diperkenalkan pada 22 Oktober 2009 ketika Hari Pelanggan MINT, yang juga julung kali diadakan. Bagi memberi arah hala yang lebih jelas, isi MINT diperkemas kepada mempertingkatkan pembangunan dan daya saing ekonomi Negara melalui kecemerlangan dalam teknologi nuklear. Pada 13 April 2005 sekali lagi agensi

mengalami perubahan entiti apabila digazet dengan nama baru iaitu Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia). Kini Agensi Nuklear Malaysia terus melebarkan sayap dalam mengembangkan R, D & C bagi menyokong aspirasi negara.

Dikemaskini pada: 27 Nov 2020 | Polisi Privasi (<https://www.nuclearmalaysia.gov.my/inc/privacy.php>) | Kenyataan Hakcipta (<https://www.nuclearmalaysia.gov.my/inc/copyright.php>) | Penafian (<https://www.nuclearmalaysia.gov.my/inc/disclaimer.php>) | Polisi Keselamatan (<https://www.nuclearmalaysia.gov.my/inc/security.php>) | Kebebasan Maklumat (<https://www.nuclearmalaysia.gov.my/inc/freedom.php>) | Peta Laman (<https://www.nuclearmalaysia.gov.my/contact/siteMap.php>)

Sesuai dipapar dengan pelayar Mozilla Firefox 25.0 atau keatas, Google Chrome Version 24.0.1312, Internet Explorer (I.E) 9.0 at an 1024x768 resolusi skrin.

Hakcipta © AGENSI NUKLEAR MALAYSIA 2020



FB (<https://www.facebook.com/puspatiANM>)



In (<https://instagram.com/nuclearmalaysia/>)



Tw (<https://twitter.com/nuclearmalaysia>)



yt (<https://www.youtube.com/channel/UClyNUSVfh0elnG6jFRz4UbQ>)



rs (<http://www.nuclearmalaysia.gov.my/new/rss.xml>)